

**SULIT**



**JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN PMR TAHUN 2012**

**02/1**

**TINGKATAN TIGA**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

**Ogos**

**1 jam**

**Satu jam**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*

---

*Disediakan oleh:*  
Guru AKRAM Terengganu

*Dengan kerjasama:*  
MPSM Negeri Terengganu

*Dibiayai oleh:*  
Kerajaan Negeri Terengganu

**TERENGGANU NEGERI ANJUNG ILMU**

*Dicetak oleh:*  
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.  
Telefon: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

---


Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

**Soalan 1 - 7**

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Pemberian biasiswa kepada pelajar yang berkelayakan dibuat secara \_\_\_\_\_ oleh guru.
- A telus
  - B tulus
  - C rawak
  - D bijak
- 2 Sebanyak dua puluh butir pingat emas menjadi \_\_\_\_\_ atlet-atlet yang bertanding pada hari kelima Kejohanan SUKMA.
- A rebutan
  - B cabaran
  - C saingan
  - D taruhan
- 3 Pencapaian markah Peperiksaan Percubaan PMR pasangan kembar itu agak \_\_\_\_\_.
- A seiras
  - B selari
  - C sekata
  - D sedondon

4



Kepala penjaga gol itu terluka setelah \_\_\_\_\_ pada tiang gol ketika cuba menyelamatkan bola daripada masuk ke gawangnya.

- A tersebam
- B terhantuk
- C tersandung
- D tersinggung

- 5 Penjual buah rambutan itu \_\_\_\_\_ cuba menipu pelanggan dengan mengurangkan timbangan.
- A senyap-senyap  
B mentah-mentah  
C bulat-bulat  
D terang-terang
- 6 Jangan sesekali kita sebagai anak bersikap biadab \_\_\_\_\_ ibu bapa.
- A terhadap  
B akan  
C dengan  
D pada
- 7 Rakyat dapat mengecapi \_\_\_\_\_ hasil kebijaksanaan pemimpin dalam menguruskan ekonomi negara.
- A keamanan  
B kebahagiaan  
C kemakmuran  
D kesenangan

### Soalan 8 - 14

*Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditanda dengan A, B, dan C. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan dalam ayat berkenaan.*

- 8 Kem Kecemerlangan PMR pada hujung bulan ini dijalankan bagi menambahkan keyakinan dalam diri pelajar untuk menduduki peperiksaan. Tiada kesalahan.
- A B  
C D
- 9 Najihah memerahkan bibirnya dengan gincu untuk menampakkan seri pada wajahnya dalam majlis menyambut menantu itu. Tiada kesalahan.
- A B  
C D
- 10 Sultan telah berkenan untuk menghantar rombongan peminangan putera baginda yang diadakan di Istana Indera Sakti. Tiada kesalahan.
- A B C  
D
- 11 Semasa menghadiri sesi temu duga untuk memilih calon yang akan menyandang jawatan pengurus syarikat itu, Aiman merasa sangat gementar. Tiada kesalahan.
- A B  
C D



- 12 Warga-warga tua sedang diperiksa oleh juru-jururawat agar tahap kesihatan  
A B  
terjamin dan sentiasa bertenaga seperti orang-orang muda. Tiada kesalahan.  
C D
- 13 Banyak pelajar di luar bandar kurang minat mata pelajaran Bahasa Inggeris  
A B  
menyebabkan mereka sukar untuk menguasainya. Tiada kesalahan.  
C D
- 14 Mak Esah menanggung kedukaan yang amat sangat setelah kepergian anak sulung  
A B  
kesayangannya tanpa khabar berita. Tiada kesalahan.  
C D

**Soalan 15 – 17**

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul dan tentukan bahawa anda telah memilih cadangan jawapan yang paling sesuai.

- 15 I Ketika kami ke rumahnya, dia asyik bercerita *tentang* musim buah-buahan.  
II Rumah Cik Jah yang baru dibina itu sama *tentang* dengan rumah Cikgu Aziz.  
III Saya akan *tentang* penderhaka itu habis-habisan demi keamanan kampung ini.  
IV Datin Ummi masih samar-samar *tentang* kedudukannya dalam persatuan sukarela itu.
- A I dan II sahaja  
B II dan III sahaja  
C I, II dan IV sahaja  
D I, III dan IV sahaja
- 16 I Harapan Daniel sungguh *mekar* untuk mendapat gred A dalam semua mata pelajaran.  
II Kuntuman bunga ros yang *mekar* menghiasi laman ruman Wak Dollah.  
III Putih telur yang dikacau oleh ibu semakin *mekar* untuk dibuat kuih puding buih.  
IV Kasih sayang ayah terhadap ibu sentiasa *mekar* walaupun mereka telah lama berpisah.
- A I dan II sahaja  
B I dan III sahaja  
C I, II dan IV sahaja  
D II, III dan IV sahaja

- 17
- I Ombak yang kuat telah *memukul* bot nelayan itu lalu karam di tengah laut.
  - II Tentera Jepun *memukul* Tanah Melayu untuk meluaskan kekuasaannya.
  - III Tukang kayu itu sedang *memukul* paku pada dinding yang tercabut.
  - IV Budak-budak itu *memukul* buah mangga yang bergantung pada dahan yang tinggi.
- A I dan II sahaja
  - B I dan III sahaja
  - C I, II dan IV sahaja
  - D II, III dan IV sahaja

**Soalan 18 - 21**

*Sebahagian daripada ayat yang berikut telah digariskan. Bahagian yang bergaris itu mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Jika anda menganggap bahawa bahasa bahagian yang bergaris itu salah dan perlu diubah, anda hendaklah menandakan A, B atau C sebagai pilihan jawapan anda. Jika tiada kesalahan tandakan D.*

- 18 Orang kampung banyak mengadakan kenduri-kendara perkahwinan anak mereka pada musim cuti sekolah.
- A banyak mengadakan kenduri
  - B mengadakan banyak kenduri
  - C mengadakan banyak kenduri-kendara
  - D banyak mengadakan kenduri-kendara
- 19 Encik Malek telah biasa dengan tugas harian yang harus dilakukannya di pejabat.
- A dengan tugas seharian
  - B dengan tugas harian
  - C oleh tugas harian
  - D dengan tugas harian
- 20 Analisis keputusan UPSR telah dibincangkan dengan panjang lebar di dalam mesyuarat guru besar.
- A dalam mesyuarat guru-guru besar
  - B di dalam mesyuarat guru-guru besar
  - C dalam mesyuarat guru besar
  - D di dalam mesyuarat guru besar
- 21 Laporan aktiviti perkhemahan pengakap saya akan bentangkan semasa mesyuarat ahli jawatankuasa nanti.
- A akan saya bentangkan
  - B akan dibentangkan oleh saya
  - C saya akan membentangkan
  - D saya akan bentangkan



Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 22 **Situasi pembelajaran yang kondusif perlu diwujudkan untuk membantu seseorang murid berjaya dalam pelajaran.**
- A Persekitaran pengajaran yang kondusif perlu dilakukan untuk membolehkan seseorang murid cemerlang dalam pelajaran.
  - B Kejayaan seorang murid dalam pelajaran disokong oleh suasana pembelajaran yang sesuai.
  - C Salah satu faktor kejayaan seseorang murid dalam akademik ialah situasi pembelajaran yang kondusif.
  - D Kejayaan seseorang murid dalam pelajaran banyak dibantu oleh kewujudan pembelajaran yang sesuai.
- 23 **Kemalangan di tempat kerja dapat dielakkan sekiranya para pekerja mematuhi peraturan dan langkah-langkah keselamatan yang telah ditetapkan.**
- A Peraturan dan langkah-langkah keselamatan perlu dipatuhi oleh pekerja untuk mengelakkan kemalangan di tempat kerja.
  - B Jika para pekerja mematuhi peraturan dan langkah-langkah keselamatan yang telah ditentukan maka kemalangan di tempat kerja dapat dielakkan.
  - C Langkah-langkah keselamatan perlu dipatuhi pekerja sekiranya ingin mengelakkan kemalangan di tempat kerja yang penuh dengan peraturan.
  - D Para pekerja hendaklah mematuhi peraturan serta langkah-langkah keselamatan di tempat kerja supaya kemalangan dapat dielakkan.
- 24 **Ibu bapa perlu memantau aktiviti anak-anak pada hujung minggu untuk menghindarkan mereka terlibat dalam gejala yang kurang sihat.**
- A Aktiviti anak-anak perlu dipantau untuk mengelakkan mereka terjebak dalam gejala sosial yang kurang sihat pada hujung minggu.
  - B Pemantauan anak-anak terhadap aktiviti ibu bapa perlu dilakukan pada hujung minggu untuk mengelakkan gejala yang kurang sihat.
  - C Gejala yang kurang sihat dalam kalangan anak dapat dielakkan dengan pengawasan ibu bapa terhadap aktiviti mereka pada hujung minggu.
  - D Aktiviti pemantauan ibu bapa semasa hujung minggu dapat mengurangkan gejala sosial dalam kalangan anak mereka.

**Soalan 25 – 27**

*Pilih ayat-ayat yang betul.*

- 25**
- I Kera-kera yang bergayutan pada dahan pokok menarik minat kanak-kanak.
  - II Lembu-lembu ternakan Pak Usu dibiarkan bertempiran meragut rumput.
  - III Berolahraga menjadi kegemaran remaja untuk mengisi masa senggang.
  - IV Surat yang saya kirim kepadanya dua minggu yang lalu belum berjawab.
- A I dan II sahaja  
B I dan IV sahaja  
C II dan III sahaja  
D III dan IV sahaja
- 26**
- I Sejak subuh, pendatang asing itu berjaja tanpa lesen dengan beca beroda dua.
  - II Mereka tidak berutus surat daripada tahun lepas lagi kerana terputus hubungan.
  - III Hanya bertilamkan lantai, abang ketiduran hingga petang kerana keletihan.
  - IV Bantuan BR1M diberikan oleh kerajaan demi untuk kesejahteraan rakyat.
- A I dan III sahaja  
B I dan IV sahaja  
C II dan III sahaja  
D III dan IV sahaja
- 27**
- I Puluhan bot nelayan menepi ke pengkalan untuk mengelakkan ribut.
  - II Rambut mangsa ketumpahan asid itu menguning dan mengeras.
  - III Sambil melayari laman sosial, Arif memesan minuman di Kafe Tanjung.
  - IV Membukit timbunan kertas-kertas dan botol-botol minuman di tepi longkang.
- A I dan II sahaja  
B III dan IV sahaja  
C I, II dan III sahaja  
D II, III dan IV sahaja



**Soalan 28 – 30**

Pilih *peribahasa* atau *maksud peribahasa yang paling sesuai* bagi pernyataan-pernyataan yang berikut.

- 28 Setiap kaum mempunyai adat dan budaya. Janganlah ada antara kita cuba mengungkitkan sesuatu perkara yang bukan sahaja dapat menggores perasaan kaum lain tetapi juga dapat mengancam keselamatan negara.

Peribahasa yang sesuai dengan pernyataan di atas ialah

- A bagai mencurahkan minyak ke dalam api.
- B bagai mencurahkan air ke daun keladi.
- C seperti mentimun dengan durian.
- D seperti anjing dengan kucing.

- 29 “Saat yang paling sukar adalah ketika saya terpilih menghadiri sesi pemilihan atlet karate-do bagi mewakili negara kerana dalam masa yang sama saya mendapat tawaran melanjutkan pengajian asasi di Universiti Malaya,” jelas Amirul kepada Mubin.

Situasi yang dihadapi oleh Amirul samalah seperti

- A di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.
- B hendak seribu daya, tak nak seribu dalih.
- C tak ada laut yang tidak berombak.
- D ditelan mati emak, diluahkan mati ayah.

- 30 Peribahasa yang berikut membawa **maksud** setiap tingkah laku ibu bapa akan dicontohi oleh anak-anak mereka, **kecuali**

- A bapak borek anak rintik.
- B tiada rotan, akar pun berguna juga.
- C bagaimana acuan begitulah kuihnya.
- D ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi.



**Soalan 31 - 35**

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

**MASA:** Waktu siang.

**TEMPAT:** Di tempat kerja Kamal.

**TINI:** (*Geram dan marah*) Tak aku sangka, Kamal. Selama ini aku kau bohongi. Telunjuk lurus tapi kelingking berkait.

**KAMAL:** (*Hairan*) Kenapa, Tini? Kalau ya pun perlahankan suara tu. Didengar orang kan tak manis?

**TINI:** Biar mereka dengar, Kamal. Kau sanggup memeralatkan orang lain untuk kepentingan kau sendiri. Kau tak pernah memikirkan keburukannya.

**KAMAL:** Aku tak faham perkara yang kau cakapkan, Tini.

**TINI:** Usah hendak berpura-pura, Kamal. Malek orang suruhan kau telah ditahan polis. Malek telah membuat pengakuan. Kenapa kau bertindak begitu, Mal? (*Sedih*) Aku malu kerana perbuatan kau. Ke mana hendak aku sorok muka ni?

**KAMAL:** Maafkan aku, Tini. Aku tak menyangka begitu akhirnya. Aku tidak berniat untuk menyusahkan kau. Aku lakukan ini kerana aku mahu kau berhenti daripada mengusahakan kerja itu. Aku menyesal, Tini.

**TINI:** Sudah terlambat, Mal. Nasi sudah menjadi bubur.

**KAMAL:** Tini, aku lakukan ini adalah untuk kau. Aku tak mahu kau terlepas dari tanganku.

**TINI:** Cemburu buta kau tak kena pada tempatnya. Yang bersalah tetap bersalah. Aku telah mengambil keputusan. Kita terpaksa berpisah. Kita tak sehaluan lagi.

**KAMAL:** Tini! Jangan, Tini! Aku tak mahu kehilangan kau. Maafkan aku, Tini.

**TINI:** Aku sudah maafkan kau, Mal. Tapi aku tak dapat menarik kata-kata aku tadi. Selamat tinggal...!

(Dipetik daripada drama *Di sini Bakti Bersemadi*, antologi *Gema Sepi Gadis Genius*, Tingkatan 2, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- 31 Mengapakah Tini memarahi Kamal?
- A Kamal tidak mengakui kesilapannya.
  - B Kamal menyuruh Tini memperlahankan suara.
  - C Tini telah mengetahui penipuan yang dilakukan oleh Kamal.
  - D Tini tidak menyukai Kamal berkawan dengan Malek.

32

Sudah terlambat Mal. Nasi sudah menjadi bubur.

Apakah tujuan Tini berkata demikian?

- A Perbuatan terlanjur Kamal sudah tidak dapat diubah lagi.
  - B Tini tidak dapat memaafkan kesalahan yang dilakukan oleh Kamal.
  - C Keterlanjuran Kamal membawa padah kepada dirinya.
  - D Perbuatan kamal terlalu melukakan hati Tini.
- 33 Antara yang berikut, yang manakah bukan menggambarkan perwatakan Tini berdasarkan petikan?
- A Tegas
  - B Pemaaf
  - C Cemburu
  - D Berani
- 34 Berikut ialah pengajaran yang dapat diperoleh daripada petikan drama **kecuali**
- A kita janganlah bersangka buruk terhadap orang lain.
  - B kita haruslah berdikari untuk mencapai cita-cita.
  - C kita perlulah bersikap berani kerana benar.
  - D kita janganlah bersikap mementingkan diri sendiri.

35 Apakah kesudahan drama Di sini Bakti Bersemadi?

- A Tini berjaya mengusahakan perusahaan kraf tangan di kampungnya.
- B Malek ditangkap polis kerana memukul Amin dan mensabotaj perusahaan kraf tangan Tini.
- C Kamal menginsafi perbuatannya dan berkahwin dengan Tini.
- D Tini memutuskan pertunangannya dengan Kamal.



**Soalan 36 – 40**

*Baca pantun di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

**Pantun Empat Kerat (Muafakat)**

**Zailiani Taslim**

Indah sungguh warna pelangi,  
Tidak luput hingga senja;  
Ke lurah sama diharungi,  
Usaha bersama membawa bahagia.

Buah salak di dalam kantung,  
Kulitnya keras isinya kelat;  
Bulat air kerana pembetung,  
Bulat manusia kerana muafakat.

Turun ke paya memetik kangkung,  
Hati-hati terkena getahnya;  
Bergotong-royong penduduk sekampung,  
Hidup muafakat hidup bahagia.

Beras segantang sudah disukat,  
Lalu disimpan di atas para,  
Andai seluruh masyarakat muafakat,  
Negara damai rakyat sejahtera.

Sawah padi luas terbentang,  
Kuning keemasan indahnya maya;  
Percaya-mempercayai asas berpegang,  
Barulah muafakat kekal selama.

Harum sungguh bunga melati,  
Hiasan sanggul amat memikat;  
Bertolak ansur hormat-menghormati,  
Mengukuhkan perpaduan ikatan muafakat.

**36** Kedamaian negara dan kesejahteraan rakyat akan tercapai melalui

- A** aktiviti gotong-royong.
- B** muafakat penduduk kampung.
- C** kesepakatan seluruh masyarakat.
- D** pengukuhan perpaduan rakyat.

- 37 Rangkap ketiga pantun di atas menyarankan seseorang supaya
- A bekerjasama dalam semua perkara.
  - B menjalankan aktiviti bergotong-royong.
  - C percaya-mempercayai antara satu sama lain.
  - D sentiasa bertolak ansur dan hormat-menghormati.

38

Bulat air kerana pembedung Bulat manusia kerana muafakat
---

Unsur gaya bahasa yang terdapat dalam kedua-dua baris pantun di atas ialah

- A metafora
  - B anafora
  - C epifora
  - D personifikasi
- 39 Berikut ialah nilai-nilai yang terdapat dalam pantun ini kecuali
- A sayang-menyayangi
  - B bertoleransi
  - C hormat-menghormati
  - D bekerjasama
- 40 Sikap bertolak ansur dan hormat-menghormati dapat memupuk perpaduan kaum dengan cara memahami
- A adat dan budaya.
  - B percakapan.
  - C pekerjaan.
  - D status sosial.

**KERTAS SOALAN TAMAT**



**PEPERIKSAAN PERCUBAAN PMR 2012  
JAWAPAN KERTAS OBJEKTIF**

<b>KOD MATA PELAJARAN:</b>	02/1
<b>MATA PELAJARAN:</b>	BAHASA MELAYU
<b>KERTAS:</b>	SATU

<i>No. Soalan</i>	<i>Jawapan</i>	<i>No. Soalan</i>	<i>Jawapan</i>	<i>No. Soalan</i>	<i>Jawapan</i>
1.	A	15.	C	29	D
2.	A	16.	D	30.	B
3.	C	17.	A	31.	C
4.	B	18.	A	32.	A
5.	D	19.	D	33.	C
6.	A	20.	C	34.	B
7.	C	21.	A	35.	D
8.	D	22.	D	36.	C
9.	D	23.	B	37.	B
10.	B	24.	C	38.	B
11.	C	25.	D	39.	A
12.	B	26.	A	40.	A
13.	B	27.	C		
14.	D	28.	A		